

## **ECRL: Pemilik tanah akan dapat pampasan**

---

**Jelebu 16 Jun :** Kerajaan memberi jaminan bahawa tanah persendirian yang diambil bagi pembangunan Projek Laluan Rel pantai Timur (ECRL) akan diberikan pampasan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, walau bagaimana pun pampasan akan ditentukan selepas pelan jajaran projek mega itu dimuktamadkan tahun ini sebelum dijangka memulakan proses pengambilan tanah pada tahun depan.

“Saya tidak mahu timbul isu atau ada spekulasi berkaitan pengambilan tanah supaya projek pembangunan ini dapat dilakukan dengan lancar.

“Kita belum putuskan lagi jumlah keluasan tanah yang diperlukan atau di mana lokasi stesen ini akan dibina tetapi yang pastinya akan ada sebuah stesen dibina dalam daerah Jelebu,” katanya ketika berucap dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Chennah di sini, hari ini.

Anthony yang juga ADUN kawasan itu dan parlimen Seremban berkata, sebaik sahaja pelan jajaran ECRL dimuktamadkan, kerajaan juga akan mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan dan juga mengadakan sesi penerangan awam.

Beliau dalam pada itu yakin, projek ECRL mampu menarik minat pelabur untuk membangun kawasan perindustrian di Jelebu, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan pada 12 April lepas mengumumkan projek ECRL akan disambung semula dengan kos lebih rendah susulan pemeteraian perjanjian tambahan (SA) di antara MRL dan China Communications Construction Company Ltd. (CCCC).

Menurut kenyataan itu, kos pembinaan fasa 1 dan 2 ECRL kini dikurangkan kepada 44 billion, pengurangan sebanyak RM21.5 billion daripada kos asalnya RM65.5 billion.

---

**SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 6 | 17 JUN 2019**